

PROSEDUR IMPORT TANAMAN UNTUK TUJUAN LANDSKAP

Pengenalan

Panduan ini disediakan bagi memberikan kefahaman tentang prosedur Kuarantin Tumbuhan dalam pengimportan tanaman hiasan bagi tujuan lanskap.

Sebarang tumbuhan hidup yang dibawa masuk ke negeri Sabah haruslah melalui satu proses pemeriksaan Kuarantin bagi memastikan tidak ada sebarang perosak dan/ atau penyakit (P & D) yang bakal memberi impak kepada biosekuriti negeri ini. Sabah kaya dengan kepelbagaian biodiversiti flora dan fauna serta menjadi pengeluar minyak dan produk sampingan Sawit terbesar di Malaysia disamping tanaman getah, koko, buah-buahan dan sayur-sayuran.

Permohonan Permit Import

Pengimportan tumbuhan / produk tumbuhan / artikel terkawal berkaitan pertanian adalah dikawal menurut Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import / Eksport) 2017 (HS 2017) serta memerlukan suatu Permit Import (IP) daripada Jabatan Pertanian (DOA) Sabah seperti yang terkandung dalam Jadual 1: Peraturan-peraturan Kuarantin Tumbuhan 1981.

Akta Kuarantin Tumbuhan 1976 (Akta 167) memperuntukan bahawa pelaksanaan Akta adalah berdasarkan kepada tiga (3) Kawasan Komponen

iaitu Komponen Sabah, Komponen Sarawak dan Komponen Semenanjung Malaysia termasuk Wilayah Persekutuan Labuan. Justeru pergerakan tumbuhan diantara kawasan-kawasan komponen ini adalah tertakluk kepada pematuhan Akta. IP boleh dipohon di Seksyen Biosekuriti dan Kuarantin Tumbuhan, Jabatan Pertanian Sabah.

Satu salinan IP yang telah diluluskan hendaklah dihantar kepada pihak pembekal/ pengeksport untuk tujuan rawatan dan permohonan Sijil Fitosanitasi (Phytosanitary Certificate – PC)

Pra-Syarat Import dan Keperluan Pematuhan Prosedur Kuarantin Tumbuhan

Bagi pengimportan tanaman hiasan untuk tujuan lanskap, sudah pasti ianya melibatkan jumlah yang banyak serta jenis, saiz dan ketinggian pokok adalah berbeza-beza. Standard permohonan IP bagi tumbuhan adalah 1 m tinggi.

Sebelum kelulusan import diberikan, *Pest Risk Analysis* (PRA) melibatkan satu pemeriksaan Pra-Sempadan (Pre-Border Inspection) perlu dilakukan bagi mengenalpasti jejak laluan (pathway) P & D di lokasi pembekal (premis / nurseri), pengangkutan hingga ke pelabuhan (point of export) bagi mendapatkan maklumat dan bukti (fact finding at source).

DOA dikehendaki melaksanakan *Pest Risk Analysis* (PRA) ke lokasi pengeksport apabila ia melibatkan

tanaman/ produk tanaman/ artikel terkawal yang baru atau apabila ianya melibatkan sumber / negara baru ataupun negara sedia ada tetapi dengan perubahan syarat import atau jika terdapat pemintasan di pintu masuk melibatkan penemuan perosak dan penyakit. PRA dilaksanakan selaras dengan pematuhan *International Standards on Phytosanitary Measure (ISPM) No. 2 - Framework for Pest Risk Analysis (2007)* dan *ISPM No. 11 Pest Risk Analysis for Quarantine Pests (2013)*.

Pemeriksaan *Pre-Clearance*

Bagi mempercepatkan proses pemeriksaan dan kelulusan maka dicadangkan supaya satu pemeriksaan "*Pre-Clearance*" dijalankan serentak dengan "*Fact finding at source*" di lokasi pengeksport. Pemeriksaan "*Pre-Clearance*" melibatkan tiga orang pegawai iaitu Pakar Serangga (Entomologist), Pakar Penyakit Tumbuhan (Pathologist) dan Pegawai Penguatkuasa Kuarantin Tumbuhan.

Rawatan Kuarantin

Rawatan Kuarantin terhadap tanaman yang hendak diimport adalah diperlukan bagi memastikan tanaman tersebut tidak membawa bersamanya sebarang perosak dan penyakit. Jenis dan kaedah rawatan akan dimasukkan dalam syarat import (import conditions) IP. Biasanya rawatan kemoterapi (chemotherapy) seperti pewasapan (fumigation) dengan bahan kimia Methyl Bromide atau kaedah rendaman (dipping) dengan racun serangga (Insecticide), racun kulat (Fungicide) dan racun nematod (Nematicide).

Larangan Pengimportan Tanah

Pengimportan tanah adalah dilarang (importation of soil is prohibited) selaras dengan Peraturan 3: Peraturan-peraturan Kuarantin Tumbuhan 1981.

Tanaman yang bakal diimport mestilah tanpa tanah/ bersih daripada tanah atau "bare rooted".

Sijil Fitosanitasi

Sijil Fitosanitasi (Phytosanitary Certificate – PC) hendaklah diperolehi daripada Jabatan Pertanian negara pengeksport. Pihak pembekal/ pengeksport adalah bertanggungjawab untuk mendapatkan khidmat pemeriksaan DOA negara pengeksport semasa rawatan Kuarantin dijalankan sebelum PC dikeluarkan. PC asal (original PC) hendaklah dikirimkan bersama konsainan tumbuhan yang dieksport.

Deklarasi Kuarantin Semasa Ketibaan

Para pengimport wajib membuat deklarasi kepada Pegawai Pemeriksa / Penguatkuasa Kuarantin Tumbuhan di Pintu Masuk (Entry Point) semasa ketibaan konsainan import. Pengimport / Agen hendaklah membuat deklarasi SPS (Sanitary and Phytosanitary) dengan mengemukakan IP asal DOA Sabah dan PC asal DOA negara pengeksport bagi tujuan pelepasan selain deklarasi dengan pihak Kastam.

Pemantauan

DOA Sabah akan melaksanakan pemeriksaan dari masa ke semasa ke lokasi nurseri / penanaman landskap bagi tanaman yang diimport untuk tujuan pemantauan dari masa ke semasa. Tujuan pemantauan adalah untuk memastikan tiada wabak berlaku seandainya P & D terlepas masuk melalui aktiviti pengimportan tersebut.

Bayaran Terlibat

Perkhidmatan Biosekuriti dan Kuarantin Tumbuhan DOA Sabah adalah berbayar pada harga minimum seperti yang ditetapkan dalam Peraturan-Peraturan Kuarantin Tumbuhan 1981.

Permit Import: RM15.00/ IP/ Konsainan Sijil Fitosanitary (PC):

- i) RM20.00/PC/Konsainan eksport – tanpa rawatan
 - ii) RM40.00/PC/Konsainan eksport – dengan rawatan
- Caj Pemeriksaan: RM20.00/jam/pegawai
Caj perjalanan: RM0.50/km

Lain-lain Caj:

Jika pemeriksaan melibatkan perjalanan di luar kawasan Komponen Sabah, maka tiket penerbangan, penginapan dan elaun perjalanan adalah atas tanggungan pengimport/ pengeksport selaras dengan Peraturan 15(3), 15(4) dan 15(5): Peraturan-Peraturan Kuarantin Tumbuhan 1981.

Tanggungjawab Umum

Semua warga Sabah tidak kira penjawat awam, swasta maupun orang awam adalah bertanggungjawab terhadap keselamatan biosekuriti negeri Sabah. Kita terdedah kepada ancaman biosekuriti terutamanya Perosak Asing Berbahaya (Invasive Alien Species – IAS) daripada luar dan dalam negara kita sendiri. Sejarah lampau membuktikan bahawa kemasukan P & D ke negeri Sabah telah mengakibatkan kerugian besar kepada industri pertanian seperti serangan *Cocoa Pod Borer* (CPB) terhadap Koko, *Citrus Greening* terhadap Limau Manis Beaufort, Siput Gondang Emas terhadap Padi, Rumput Miang Mexico (*Parthenium hysterophorus*) terhadap ternakan dan manusia serta banyak lagi seharusnya menjadi pengajaran kepada kita untuk lebih berhati-hati dalam membawa masuk elemen P& D ke negeri Sabah yang kita cintai.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi;

SEKSYEN BIOSEKURITI DAN KUARANTIN TUMBUHAN,

Jabatan Pertanian Sabah,
Aras 1, Wisma Pertanian Sabah,
Beg Berkunci 2050,
88632 KOTA KINABALU, SABAH.
Tel: 088-283268
Fax: 088-283287

